



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 JULAI 2017 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Kaji kaedah suntik bacteria dalam telur nyamuk

14



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
24 JULAI 2017 (ISNIN)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kaji kaedah suntik bacteria dalam telur nyamuk
Muka Surat	14

USAHA KAWAL PENULARAN WABAK DENGGI

Kaji kaedah suntik bacteria dalam telur nyamuk

BH 24/7/2017
m/s 14



Dr Subramaniam menunjukkan replika nyamuk aedes kepada Anis Nadzirah Muzafar, 12, (kanan) ketika melawat pameran sempena Sambutan Hari Denggi ASEAN di Georgetown, semalam.

➔ Kementerian sudah buat projek perintis di AU Keramat, Shah Alam

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Georgetown

Kementerian Kesihatan sedang mengkaji keberkesanan penggunaan bakteria yang disuntik ke dalam telur nyamuk aedes bagi mengkeang penularan wabak denggi di negara ini. Menteri, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata kaedah itu masih di peringkat projek perintis di

dua kawasan, iaitu di AU Keramat dan Shah Alam, Selangor, sejak Februari lalu.

Katanya, kaedah baharu itu perlu dipantau sehingga tiga tahun selepas dilaksanakan di dua kawasan terbabit, sebelum keputusan sama ada menggunakannya secara meluas dimuktamadkan.

Membantu virus denggi
"ia melibatkan kerjasama dengan penyelidik dari United Kingdom apabila kaedah diperkenalkan mereka ditambah baik me-

ngikut kesesuaian tempatan kerana kos pelaksanaannya sangat tinggi sebelum ini.

"Aedes yang disuntik dengan bakteria ini berupaya merembeskannya kepada nyamuk lain, sekaligus membantutkan virus denggi yang dibawa daripada menjangkiti manusia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Denggi ASEAN 2017, di sini semalam.

Difahamkan, kaedah pencegahan sama sudah digunakan di

Fakta nombor

53,750 KES

demam denggi termasuk 122 kematian dilaporkan di seluruh negara antara Januari hingga 15 Julai tahun ini

Amerika Syarikat dan Australia. Singapura juga dalam peringkat kajian menggunakan kaedah berkenaan bagi mengawal kes denggi di republik itu.

Sementara itu, Subramaniam berkata, sebanyak 53,750 kes demam denggi dengan 122 kematian direkodkan di seluruh negara sejak Januari hingga 15 Julai lalu.

"Angka ini mencatatkan penurunan, berbanding 61,534 kes demam denggi dengan 135 kematian bagi tempoh sama tahun lalu," katanya.